

20/11/2003

Dokumen Negara Islam dedah kelemahan Pas

MEMBACA buku Negara Islam yang disebut sebagai Dokumen Negara Islam terbitan Pas, saya hairan mengapa perlunya Pas menerbitkan buku seumpama itu sebagai dokumen rasminya. Pada hal di pasaran ada banyak buku yang menerangkan mengenai negara Islam secara lebih jelas, lebih ilmiah dan lebih terperinci, baik di dalam bahasa Arab, Melayu atau Inggeris.

Saya hairan kerana Pas menerbitkan buku mengenai negara Islam yang tohor perbincangannya, tidak ilmiah dan terlalu umum untuk dijadikan panduan bagi pembentukan sebuah negara Islam pada zaman moden dan di dalam realiti sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Penerbitan buku itu menjelaskan bahawa Pas masih meraba-raba mencari jawapan bagaimana sebuah negara Islam akan ditegakkan dalam masyarakat majmuk pada zaman moden ini.

Pas memberikan gambaran mengenai negara Islam dengan menyebut bahawa negara Islam sebuah negara kebajikan yang diasaskan kepada syariat. Apakah negara kebajikan yang berasaskan syariat itu dan apakah bezanya dengan negara kebajikan seperti yang diamalkan Britain umpamanya. Adakah Pas akan memberi sara hidup kepada penganggur?

Secara umum juga Pas menyatakan bahawa negara Islam dipimpin oleh ketua negara yang bertakwa kepada Allah swt. Apakah ciri-ciri ketakwaan yang melayakkan seseorang itu menjadi ketua negara? Pas secara umum menyebut bahawa orang bertakwa itu mestilah mereka yang patuh kepada perintah Allah swt dalam segenap bidang. Adakah wujud manusia pada zaman ini, khususnya di dalam Pas orang yang patuh kepada Allah swt dalam segenap bidang?

Pas mengemukakan konsep negara bertakwa sebagai ciri sebuah negara Islam. Apakah yang dikatakan negara bertakwa itu? Ayat 96 Surah al-A'araf jelas sekali menyebut bahawa yang bertakwa ialah rakyat atau penduduk bagi sebuah negara. Jika mereka bertakwa, keberkatan diluaskan kepada mereka daripada langit dan bumi. Jika mereka berusaha baik dan patuh kepada Allah swt segala nikmat yang ada di negara mereka akan membawa kebaikan dan keberkatan kepada mereka.

Apa yang saya sebutkan di atas itu sebagai contoh bagaimana Pas masih lagi kabur mengenai negara Islam yang akan ditegakkannya. Banyak lagi perkara lain yang disebut oleh Pas secara kabur mengenai ciri-ciri negara Islam. Apakah negara Islam yang hendak ditegakkan oleh Pas, sebuah negara Islam mithali sebagaimana pada zaman Nabi Muhammad saw atau negara Islam yang berciri baru yang selaras dengan realiti zaman ini dan setanding keupayaan manusia zaman ini, terutama keupayaan orang Pas sendiri?

Konsep khilafah yang dikemukakan oleh Pas dalam dokumennya itu adalah konsep yang sempit dan hanya terbatas kepada pelaksanaan hukum. Sebenarnya, peranan manusia sebagai khalifah itu lebih luas daripada hanya menjalankan hukum syariat semata-mata.

Dokumen itu sekadar menyebut bahawa sistem yang akan dilaksanakan dalam pemerintahan memiliki ciri-ciri ketakwaan. Tetapi apakah sistem itu dan bagaimana dikatakan bahawa sesuatu sistem itu mempunyai ciri-ciri ketakwaan atau tidak. Dokumen yang kabur seperti ini tidak mungkin dapat dijadikan panduan bagi menegakkan negara Islam. Justeru, ia tidak berguna langsung untuk dijadikan panduan bagi mewujudkan sistem yang berlandaskan ketakwaan seperti yang disebutkan.

Lagi sekali negara Islam ala Pas itu sebuah negara kabur apabila dokumen itu menyebut bahawa pemerintahannya berdasarkan syura. Apakah bentuk sistem syura yang menjadi kaedah pemerintahan negara Islam ala Pas itu?

Yang anehnya, majlis syura Pas itu terdiri daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara sebagaimana yang ada sekarang.

Dokumen itu, di tempat yang lain menyebut bahawa negara Islam ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem Syura Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Apakah sistem Syura Berparlimen dan Raja Berperlembagaan itu? Adakah ia sama dengan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan seperti yang diamalkan sekarang?

Melihat kepada keseluruhan Dokumen Negara Islam Pas itu, ternyata ia bukan sebuah dokumen yang memaparkan gagasan negara Islam yang hendak ditegakkan oleh Pas jika ia berkuasa. Dengan mengungkapkan negara Islam secara umum dan kabur, ia tidak mungkin dapat dijadikan panduan oleh Pas untuk menegakkan negara Islam. Ia akan menjadi dokumen yang ditinggalkan. Jika tidak, jadikanlah dokumen itu panduan untuk membentuk pemerintahan Islam di Kelantan dan Terengganu di dalam bidang kuasa kerajaan negeri berkenaan?

Di dalam dokumen itu disebut, misalnya, mengenai sistem Syura Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Sepatutnya, sistem itu dikemukakan secara terperinci jika ia berbeza dengan sistem yang diamalkan sekarang. Sistem itu patut diterapkan di dalam pemerintahan negeri Kelantan dan Terengganu yang telah diperintah oleh Pas? Bilakah lagi Pas hendak melaksanakan sistem yang menjadi idamannya itu, pada hal kuasa telah berada di tangan?

Mengenai dasar umum negara Islam, dokumen itu banyak mengulangi dasar yang telah dilaksanakan oleh Umno dan Barisan Nasional (BN). Dalam dasar ekonomi, dokumen itu menyentuh mengenai usaha merapatkan jurang antara miskin dan kaya. Usaha ini telah lama dilaksanakan dan menjadi salah satu matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Demikian juga usaha membanteras riba secara berperingkat. Dengan pelaksanaan sistem muamalat yang diperluaskan, Umno dan BN telah bertindak secara praktikal ke arah menyediakan sistem alternatif untuk mengelak masyarakat terjebak di dalam amalan riba yang diharamkan oleh agama.

Dokumen itu juga menyebut mengenai pemberian peluang kepada rakyat untuk membabitkan diri dalam aktiviti ekonomi. Usaha Pas baru sekadar menyatakannya di dalam tulisan, sedangkan kerajaan Umno dan BN telah lama mengusahakannya dengan pelbagai program, terutama usaha memajukan pembabitan orang Islam dan Bumiputera dalam pelbagai kegiatan ekonomi dan perdagangan.

Apakah yang akan dilakukan oleh Pas yang lebih baik daripada apa yang dilaksanakan oleh kerajaan Umno dan BN, tidak pernah dikemukakan. Bahkan, kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu tidak menunjukkan minat yang kuat untuk kemajuan ekonomi dan pembabitan rakyat di dalam sektor ekonomi. Jadi, apalah istimewanya dokumen yang dikemukakan oleh Pas mengenai dasar dan rancangan pembangunan ekonomi negara Islam ala-Pas itu?

Mengenai dasar sosial, dokumen Pas itu menyalin semua dasar yang telah diamalkan sekarang oleh kerajaan Umno dan BN. Dasar membentuk akhlak mulia, membentuk masyarakat seimbang, menyemarak pembangunan insan, membentuk hubungan sosial yang sihat, menekankan konsep ehsan dalam pembangunan sosial dan menjadikan institusi keluarga sebagai asas pembangunan sosial.

Semua dasar ini disalin sepenuhnya daripada apa yang dilaksanakan oleh Umno dan BN. Dalam hal ini, Pas hanya sekadar bercakap. Umpamanya, di dalam dasar membina hubungan sosial yang sihat, ternyata Pas tidak menghayatinya. Pas mengkafirkan orang Umno, memulau kenduri kendara dan pelbagai kerenah Pas yang memecah-belah masyarakat Islam dan mewujudkan hubungan sosial yang tidak sihat.

Pas menyiapkan dokumen negara Islam yang dikemukakan itu sekadar melepaskan batuk di tangga. Pas sebenarnya malas atau tidak ada kebolehan

untuk menjelaskan erti sebuah negara Islam. Ia mengeluarkan dokumen itu sekadar untuk menyahut cabaran bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, supaya Pas mengemukakan negara Islam yang hendak ditegakkan oleh parti itu, sekiranya ia tidak mahu mengakui bahawa Malaysia sebuah negara Islam. Apabila Pas mengemukakan dokumennya mengenai negara Islam, ternyata Pas masih kabur mengenainya. Pas sedang memperjuangkan negara Islam dalam gelap. Tidak hairanlah jika Pas masih tidak mahu mengerti mengenai hakikat bahawa negara ini adalah sebuah negara Islam.